

SOALAN NO: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**[KUALA PILAH]**  
**TARIKH : 27 JULAI 2017**  
**SOALAN : 17**

**YB Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pelan Skim 1Care seperti yang pernah diutarakan sebelum ini dan apakah tindakan Kementerian dalam merealisasikan skim ini?

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan sentiasa melakukan penambahbaikan kepada perkhidmatan kesihatan Malaysia. Untuk makluman, 1Care hanya kertas konsep transformasi sistem kesihatan Malaysia tahun 2009. Kertas konsep ini kurang mendapat sokongan dari pelbagai pihak antara lain kerana kurang kefahaman mengenai faedah dan keperluan transformasi pada masa itu. Konsep yang dicadangkan juga telah dimanipulasi oleh sesetengah pihak dengan memberi gambaran negatif untuk tujuan menakutkan rakyat dengan maklumat palsu. Ini membawa kepada ketidakpercayaan terhadap konsep tersebut tanpa pemahaman yang jelas. Maka, rancangan pelaksanaan tidak diteruskan sejak tahun 2011 lagi.

Untuk membangunkan sistem pembiayaan kesihatan yang lebih efisien, mampan dan meluaskan pilihan yang ada untuk rakyat, pada tahun 2016 kerajaan mencadangkan konsep insurans kesihatan secara sukarela atau *Voluntary Health Insurance* (VHI) dengan izin. Cadangan yang dibuat merangkumi ciri-ciri di mana VHI dikendalikan sebagai insurans perubatan yang tidak berasaskan keuntungan untuk kepentingan awam di bawah kelolaan kerajaan. VHI berperanan sebagai alternatif kepada skim insurans kesihatan swasta sedia ada untuk mereka yang mahukan opsyen pilihan sendiri. Ia akan menjadi penanda aras kepada insurans kesihatan swasta agar beroperasi dengan lebih strategik dan efisien.

Walaupun dengan adanya VHI kelak Kerajaan masih dan akan terus komited untuk terus menyediakan penyampaian perkhidmatan klinik dan hospital yang berkualiti kepada rakyat di mana mereka masih boleh akses kepada fasiliti dan perkhidmatan kesihatan Kerajaan yang komprehensif termasuklah perkhidmatan pencegahan, promosi kesihatan, rawatan perubatan dan rehabilitasi seperti biasa.

Proses perancangan VHI sedang dijalankan dan perlu diperincikan lagi. Sekiranya ia diterima pakai, ia akan dilaksanakan secara berperingkat. KKM telah menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan sebagai persediaan bagi melaksanakan VHI pada tahun hadapan. Bagi membangunkan organisasi VHI, KKM telah bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan dan sebagainya.